

What's Inside:

KATA-KATA ALUAN DARI KETUA
JABATAN

SEMINAR BUILDING
INFORMATION MODELLING
(BIM) SYMPOSIUM DI UNIVER-
SITY OF HONG KONG. HONG
KONG

18 Januari 2016

MESYUARAT JABATAN JKBP &
JSKR KE-1 (2016)

17 Februari 2016

1ST INTERNATIONAL BUILD
ENVIRONMENT (BE)
UNDERGRADUATE RESEARCH
COMPETITION

7 Mac 2016

PERLAWANAN FUTSAL
PERSAHABATAN JKBP/JSKR

KATA-KATA ALUAN DARI KETUA JABATAN

Assalamualaikum dan Salam 1 FKAAS,

Kerjasama dan saling hormat menghormati merupakan kunci kekuatan JKBP dan JSKR dalam memastikan kejayaan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar. Perkongsian aktiviti yang dijalankan oleh ahli jabatan di dalam LENSA kali ini diharapkan dapat memberikan inspirasi dan momentum kepada semua pembaca untuk terus berlari mengejar kejayaan di dunia dan akhirat. Tahniah diucapkan kepada editor LENSA iaitu Dr Nor Haslinda Abas dan Puan Nur Nasuha Abd. Salam serta rakan-rakan penyumbang artikel.

Suka saya mengambil satu bait daripada lagu Michael Jackson iaitu 'Man in the mirror'. Baitnya berbunyi '*If you to make the world as a better place, take a look at yourself, and then make a change*'. Setiap insan mempunyai keinginan untuk melihat pengakhiran yang baik. Persekitaran yang harmoni dan baik boleh dicapai dengan memulakan langkah pertama dari dalam diri kita. Semoga kita semua akan terus berjaya dan dapat menyumbang kepada masyarakat dan anak bangsa.

Selamat membaca Lensa.

Terima kasih dan salam hormat.

DR. RIDUAN BIN YUNUS

KETUA JABATAN KEJURUTERAAN BANGUNAN & PEMBINAAN

DR. AZEANITA SURATKON

KETUA JABATAN SENIBINA DAN KEJURUTERAAN REKA



18 JANUARI 2016


SEMINAR BUILDING INFORMATION MODELLING (BIM) SYMPOSIUM DI UNIVERSITY OF HONG KONG. HONG KONG

Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Akasah bersama tiga pelajar Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (SMKAAS) dan seorang pelajar PhD telah mengikuti seminar yang bertajuk “*Building Information Modelling Symposium: Engineers and BIM the walkway a head*” di University Hong Kong pada 18hb. Januari 2016. Tiga orang pelajar tersebut terdiri daripada pelajar tahun akhir FKAAS iaitu, Nurul Alia Diyana Mohd Zim, Nur Fatin Lyana Rahimi dan Nur Syafiqah Mustapha serta Sunitha A/P Doraisamy (PhD). Simposium ini telah dihadiri oleh 200 orang yang terdiri daripada Jurutera Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrik dan Kontraktor-Kontraktor dari Industry Bangunan dan Pembinaan di Hong Kong. Usaha murni ini telah diberikan kelulusan oleh pihak Dekan dan pengurusan FKAAS dimana semua pembiayaan telah menggunakan budget sendiri. Walaubagaimanapun para-pelajar telah mendapat pendedahan ilmu kejuruteraan bangunan yang sangat banyak dan pengalaman berbincang diperingkat antarabangsa.

Simposium ini telah diselenggarakan oleh *Hong Kong Institute of Engineers* (HKIE) dan bertujuan untuk meneroka ilmu permodelan kejuruteraan 3D terkini yang sangat berfaedah dan berkaitan dengan pembangunan maklumat perisian *Building Information Modelling* (BIM) di Hong Kong. Simposium ini juga telah dapat memberikan tumpuan kepada para-peserta dan pakar-pakar dari bidang kejuruteraan untuk berkongsi idea dan pandangan mereka didalam pembangunan BIM di Hong Kong.



Pelajar-pelajar yang mewakili UTHM bergambar bersama Prof. Madya Dr. Zainal Abidin Akasah



Speaker jemputan sedang memberikan ceramah



Pelajar sedang mendengar ceramah



17 FEBRUARI 2016

MESYUARAT JABATAN JKBP & JSKR KE-1 (2016)

Mesyuarat JKBP & JSKR kali pertama untuk tahun 2016 telah diadakan pada 17 Februari 2016, pada pukul 10.45 pagi—12.30 tengah hari, bertempat di Bilik Audio, Tingkat 8, FKAAS. Antara isu-isu yang dibincangkan adalah seperti berikut:

1. Penerangan mengenai KPI fakulti dan jabatan.
2. Isu disiplin dan kehadiran staf.
3. Penyediaan fail P&P kursus bagi semester 1 sesi 2015/2016.
4. Isu-isu berkaitan makmal-makmal JKBP/JSKR.
5. Isu-isu berkenaan sesi pengajaran semester 2 sesi 2015/2016.
6. Makluman dari pengerusi berkenaan mesyuarat pengurusan.
7. Hal-hal lain

Mesyuarat juga meraikan Dr Eydzah Aminuddin yang akan berpindah ke UTM Skudai mulai 1 Mac 2016. Seluruh ahli jabatan JKBP dan JSKR mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada beliau.



Penyampaian cederahati daripada Dekan Prof. Dr Halid bin Abdullah kepada Dr Eydzah



Sesi bergambar ahli jabatan JSKR dan JKBP bersama pengurusan FKAAS



7 MAC 2016

1ST INTERNATIONAL BUILD ENVIRONMENT (BE) UNDERGRADUATE RESEARCH COMPETITION

Pada 7 March 2016, Fakulti Alam Bina (FBE), Universiti Malaya telah menganjurkan satu pertandingan iaitu '1st International Build Environment (BE) Undergraduate Research Competition' yang telah diadakan di Hotel Pullman Bangsar, Kuala Lumpur. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof.

Pertandingan ini menawarkan 4 kategori sub-thema yang boleh dipilih oleh pelajar iaitu:

1. *Sub-Theme 1 : Building Control and Surveying*
2. *Sub-Theme 2: Architecture & Planning*
3. *Sub-Theme 3: Facilities Management & Real Estate*
4. *Sub-Theme 4: Engineering & Construction Management*

Pelajar tahun akhir Fakulti Kejuruteraan Awam dan Persekitaran (FKAAS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Nadzirah Afiqah binti Abdullah membawa cabaran ke pertandingan ini bagi kategori *Sub-Theme 4*. Dalam kategori ini, Nadzirah Afiqah binti Abdullah telah mendapat tempat kedua dalam 'Oral Presentation' dan tempat ketiga bagi kategori 'Best Poster Presentation' yang menjalankan tajuk penyelidikan '**Development of Low Thermal Conductivity Fired Clay Brick using Coconut Coir and Empty Fruit Bunch of Plam Oil**', dibawah penyeliaan dan bimbingan Dr. Rafikullah bin Deraman.

Pertandingan ini telah melibatkan wakil pelajar-pelajar daripada universiti pengajian awam seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak, Universiti Sains Malaysia (USM), dan Univeriti Malaysia Perlis (UNIMAP). Selain itu, terdapat pelajar-pelajar dari luar negara seperti Liverpool John Moores University (UK), University of Manchester (UK) dan Mapua Institute of Technology, Philippines.

Penglibatan di pertandingan ini telah dapat memberikan pendedahan dan latihan kepada para pelajar untuk membentangan kajian mereka dan saling bertukar pendapat di dalam bidang kejuruteraan, alam sekitar dan alam bina khususnya.




Nadzirah Afiqah bersama Penyelia Projek, Dr. Rafikullah bin Deraman



Majlis perasmian oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof.



Bergambar di hadapan poster-poster yang dipertandingkan



PERLAWANAN FUTSAL PERSAHABATAN JKBP/JSKR

Beberapa siri perlawanan futsal persahabatan telah diadakan bagi menjalinkan dan mempererat lagi hubungan ukhwah di antara staf jabatan/ universiti dan juga pihak luar. Selain daripada itu juga ianya diharap dapat menjadikan aktiviti sihat jabatan bagi mengimbangi aktiviti formal (tugasan kerja harian). Diharap aktiviti seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan difokuskan kepada jenis sukan yang berlainan pula. Perlawanan ini telah dianjurkan oleh Tuan Ir Mohd Norazam bin Yasin juga selaku ketua pasukan JKBP. Keputusan perlawanan adalah seperti berikut:

JKBP/JSKR (6) vs Technocrat Sdn Bhd (3)

JKBP/JSKR (2) vs FSKTM (1)

JKBP/JSKR (1) vs PTM (2)

TAHNAH DIUCAPKAN KEPADA PEMENANG!!



Pasukan JKBP/JSKR bergambar bersama pasukan-pasukan lain sebelum perlawanan.



EDITOR

**Dr Nor Haslinda Abas
Nur Nasuha Abd Salam**

PENYUMBANG ARTIKEL

**Dr. Riduan Yunus
Prof. Madya Dr. Zainal Abidin
Akasah**

**Dr Rafikullah Deraman
Dr. Nor Haslinda Abas
Ir. Norazam Yasin**

